

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Bagaimanakah saya dapat membezakan penggunaan ia dan ya?

Oleh : Muhamad Firas Ardani Bin Muhamad Rafi
(Darjah 3H, Sekolah Rendah Rivervale)



JAWAPAN

Ia merupakan kata ganti, sama seperti dia.

Ayat contoh:

- Ia tidak datang ke sekolah, hari ini.
- Ia dihukum gantung kerana mengedar dadah.
- Dengan cepat, ia meninggalkan tempat itu.

Ya pula, sejenis kata pembenar iaitu untuk mengesahkan sesuatu perkara atau kenyataan.

Ayat contoh:

- Ya, saya tidak melakukan perkara terkutuk itu.
- Ya, kami akan bermain bola, petang ini.
- Ya, sekolah kami ditutup kerana jerebu.

Selain Ya, kata pembenar yang lain ialah betul dan benar.

Ayat contoh:

- Benar, saya tidak bersalah.
- Benar, rumah itulah rumah saudagar kaya itu.
- Betul, tadika itu sudah ditutup.
- Betul, beliau mendapat Pingat Jasawan.